

Signifikan Nilai dalam Memilih Kepimpinan Politik di Kalangan Kelas Menengah Melayu Pasca DEB

¹HAIROL ANUAR MAK DIN, ZAKARIA STAPA & AHMAD MUNAWAR ISMAIL

ABSTRACT

The Significance of Values in Selecting Political Leadership among the Post-NEP Malay Middle Class

This research aims to investigate the influence of values among post-NEP Malay Middle class, particularly in the segment of the political leadership election. The process of conducting this research was using quantitative research design. 544 respondents were participated in this research, using purposive sampling based on the table of sample determiner by Krejcie & Morgan. The reliability and validity of the questionnaire were validated by the appointed specialist. The validated instrument was thoroughly analyzed by identifying the internal consistency of the items used: 1) Partial separation method using the SPSS program, and 2) the value of Correlation Coefficient and internal consistency method of Alpha Cronbach, the Alpha value. The data of this research were statistically analyzed using descriptive and inferential percentage, mean, and standard deviation. Findings showed that: 1) the understanding of the concept among the respondents; mean=4.02/ standard deviation=.354 that marked the highest interpretation level, 2) the influence of value in life; mean=3.35/standard deviation=.439, that marked an average interpretation level, 3) the role of value in the political leadership; mean=3.13/standard deviation=.464, that marked an average interpretation level, and 4) the role of value as the main factor; mean=3.81/standard deviation=.563, that marked an average interpretation level. Based on the findings of this research, it is hoped that it can help researchers and mass in obtaining a valid and reliable source of knowledge, thus giving an answer to the problems outlined in the hypotheses of this research. Finally, it explains the importance of contributing value and subsequently influenced the selection of political leadership among the post-NEP Secondary Malay Middle Class.

Keywords: economy of Malaysia, Malay, Middle Class, political leadership, values

Lazimnya, keseimbangan antara jumlah sokongan yang diterima dengan jumlah kerusi yang diperolehi dalam pilihan raya merupakan matlamat yang terpenting di dalam sistem demokrasi berparlimen. Ia melambangkan hasrat pengundi yang memilih kepimpinan politik dan jumlah sokongan terhadap sesebuah parti politik diterjemahkan melalui bilangan kerusi yang diperolehi di

¹ **Hairol Anuar Hj. Mak Din**, Lecturer at Kolej Univesiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000 BANGI, Selangor, Malaysia, Email: hairolanuar@kuis.edu.my; **Zakaria Stapa**, M.A., Professor at Dept. of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, Email: karia@ukm.my; **Ahmad Munawar Ismail**, Ph. D., Senior lecturer at Dept. of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, Email: munawar@ukm.my.

dalam Dewan Rakyat dan sekaligus melayakkan parti tersebut untuk menerajui pemerintahan negara sebagaimana yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan. Amalan demokrasi yang dipraktikkan di Malaysia selama ini adalah secara sistem majoriti mudah 'First-past-the-post' berasaskan 'single member constituencies' di dalam proses pilihan raya. Lanjutan itu, Amer Saifude (2009) menghuraikan konsep terhadap sistem ini dengan merujuk Taylor & Johnston (1979), Rose (2000) dan Budge et al. (2001). Secara kolektifnya sistem majoriti mudah ini merujuk kepada calon yang mendapat undi terbanyak (walaupun berbeza hanya satu undi sahaja) adalah pemenang, manakala di dalam amalan sistem ini tidak menggunakan konsep hanya undi majoriti sahaja yang layak untuk menang. Pengaplikasian sistem yang bercorak sebegini telah mendapat persetujuan ramai dalam kalangan sarjana Barat, di antaranya seperti Blaise & Massicotte (1992) dan Hague & Harrop (2001). Justifikasinya pada hemat mereka melalui sistem ini bakal menghasilkan satu parti majoriti yang stabil, kuat, dan lebih bertanggungjawab. Selain Malaysia negara lain yang turut mengamalkannya adalah Amerika Syarikat dan United Kingdom. Sebaliknya dari sisi yang lain, sarjana seperti Johnston et al. (2001) berpandangan sistem ini pula berpotensi untuk menghasilkan majoriti yang sangat besar, undi yang membazir, ketidakadilan kepada parti kecil, dan sukar bagi melayakkan sesebuah parti untuk berkuasa dengan sokongan yang kecil. Di Malaysia, parti yang memerintah adalah parti Barisan Nasional (BN) yang terdiri daripada gabungan yang sah pelbagai parti. Sementara di pihak pembangkang pula tiada pakatan yang kukuh dan sah seperti BN. Namun semenjak PRU-12 terdapat usaha ke arah itu dengan memperkenalkan gabungan parti-parti pembangkang, dan umum mengenalinya sebagai Pakatan Rakyat (PR). Sepanjang 56 tahun kemerdekaan dan sebanyak 13 kali pilihan raya umum diadakan, senario pilihan raya di Malaysia semakin lama semakin menarik untuk dikaji dan sehingga hari ini kajian terus menerus dilakukan dengan tema-tema yang berlainan sama ada oleh pengkaji tempatan mahupun di peringkat antarabangsa.

Permasalahan

Peningkatan bilangan kelas menengah Melayu yang sebahagian besarnya terdiri dalam kalangan generasi muda yang lahir pasca DEB telah membawa bersama perubahan landskap politik negara. Perspektif politik memperlihatkan rasional hubungan generasi muda ini dengan peranannya di dalam menentukan iklim politik di dalam negara. Ini kerana menurut kajian awal yang dilakukan oleh Johan Saravanamuttu (1989) menunjukkan bahawa golongan kelas menengah ini memperlihatkan sifat efektif dan kecenderungan terhadap nilai-nilai demokrasi. Namun begitu, tidak semua kelas menengah menyokong demokrasi kerana ada juga di antara mereka yang menyokong pemerintahan autoritarian (Harold Crouch 1996). Pun begitu, terdapat juga penemuan kajian yang menunjukkan sebahagian besar kumpulan kelas menengah ini turut menzahirkan sikap pasif dan tidak bergiat aktif di dalam arena politik di Malaysia (Allawati & Wan Kamal 2011).

Menurut kenyataan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) menunjukkan peningkatan mendadak hampir dua kali ganda bilangan pengundi muda pada Pilihan Raya Umum kali ke-13. SPR (2008) telah membahagikan pengundi kepada dua kelompok utama, iaitu; kelompok pengundi muda (berusia 40 tahun ke bawah) dan kelompok pengundi senior (berusia 40 tahun ke atas). Pada PRU-12 pada tahun 2008 jumlah pengundi muda adalah seramai 4,360,000 orang, manakala pengundi senior berjumlah 6,540,000 orang. Keadaan ini dijangka berubah pada PRU-13, hal ini kerana jumlah pengundi muda hampir menyamai jumlah pengundi senior iaitu dianggarkan jumlah pengundi muda seramai 7,360,570 orang berbanding pengundi senior yang berjumlah 7,449,430 orang. Perkiraan ini menurut Wan Ahmad Wan Omar (2010) adalah disumbang oleh faktor pertambahan warganegara yang mencapai umur 21 tahun adalah kira-kira 450,000 orang setiap tahun. Pecahan usia pengundi berdaftar pada tahun 2011 adalah; usia 21-29 tahun (2.3 juta), usia 30-39 tahun (2.8 juta), usia 40-49 tahun (2.8 juta), usia 50-59 tahun (2.3 juta), usia 60-69 tahun

(1.3 juta), usia 70-79 tahun (663,000), usia 80-89 tahun (200,000), dan berusia 90 tahun ke atas (43,000) (*Berita Harian* 19 Julai 2012). Namun sebaliknya berlaku, menurut SPR pada tahun 2010 terdapat 15.6 juta orang warganegara yang berumur 21 tahun dan ke atas, jumlah yang telah mendaftar sebagai pemilih sehingga Mei 2010 ialah 11,247,525 orang pemilih. Ini bermakna terdapat 4.3 juta orang warganegara yang telah cukup umur untuk mengundi tetapi masih belum mendaftar. Jumlah ini terus meningkat oleh kerana pertambahan warganegara yang mencapai umur 21 tahun adalah kira-kira 450,000 orang setiap tahun manakala jumlah yang mendaftar mengikut tahunan sekitar 250,000 orang sahaja. Menurut Johan Jaafar (*Berita Harian* 27 Februari 2013) terdapat 28.3 juta rakyat Malaysia, 18.9 juta orang Melayu tidak termasuk bumiputera Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah itu sepatutnya 8.8 juta yang layak menjadi pengundi namun hanya 6.6 juta yang mendaftar. Apakah alasan 2.3 juta orang lain yang tidak mendaftar?

Umum mengakui kepentingan generasi muda di dalam pilihan raya, namun sehingga hari ini pola pendaftaran kumpulan ini masih di tahap membimbangkan. Seawal tahun 2006, SPR telah menjalankan *survey* (Wan Ahmad 2010) mengapa terdapat ramai warganegara yang layak tetapi tidak mendaftar sebagai pemilih. Kajian yang memfokuskan golongan muda berumur 21 tahun mendapati empat faktor utama kegagalan kumpulan ini untuk mendaftar iaitu:

1. Faktor sikap; tidak memberi keutamaan kepada usaha untuk mendaftar sebagai pemilih. Golongan ini memberi alasan bercorak peribadi seperti sibuk bekerja, tidak ada masa, tidak kisah, tidak minat politik, sibuk urusan keluarga, tiada faedah dan terlupa.
2. Faktor sistem pendaftaran dengan memberi dua alasan, iaitu; menganggap kaedah pendaftaran pemilih mengikut alamat kad pengenalan tidak relevan kerana sudah berpindah serta tiada masa untuk mengemaskini alamat baru di Jabatan Pendaftaran Negara dan tiada masa untuk mendaftar di kaunter pendaftaran.
3. Faktor infrastruktur yang merangkumi kekangan masa serta malas untuk pergi mendaftar.
4. Faktor maklumat dengan alasan tidak tahu di mana tempat mendaftar, tiada siapa memberitahu atau menasihati untuk mendaftar, tidak tahu mengapa perlu mendaftar dan tidak tahu syarat-syarat untuk mendaftar.

Berpandukan hasil kajian tersebut sehingga kini SPR telah membuat beberapa penambahbaikan namun saban tahun hal yang sama turut berulang. Ketidakeimbangan pola pendaftaran ini dan kemelut ketidakpastian kadar pengundian boleh dirujuk di dalam kajian Franklin (2004) yang mengemukakan cadangan kadar keluar mengundi dipengaruhi oleh faktor-faktor yang melibatkan kedua-dua pihak iaitu pengundi dan keadaan pilihan raya. Di sini, beliau mengesyorkan tiga model kelakuan pengundi untuk menghuraikan perkara ini; a) model sumber yang berhubungkait dengan pendapatan pengundi, pekerjaan, dan pendidikan yang mempengaruhi penglibatan mereka dalam pilihan raya, manakala b) model yang berkisar kepada pilihan yang rasional, yang mementingkan pengiraan kos relatif dan manfaat kepada penglibatan individu dalam pilihan raya, dan c) model faktor mobilisasi iaitu bagaimana pengundi digerakkan untuk keluar mengundi oleh parti politik, kumpulan penyokong dan calon sendiri.

Dengan jumlah baki tertunggak yang tidak mendaftar kira-kira 200,000 orang, maka jumlah rakyat yang tidak mendaftar terus meningkat kira-kira 200,000 orang setiap tahun (Wan Ahmad 2010). Jika pertambahan ini konsisten dan berterusan, jumlah rakyat yang tidak dapat mengundi dijangka akan meningkat kepada hampir lima juta orang. Menurut perangkaan, daripada jumlah 18.9 juta orang Melayu, terdapat 8,888,100 orang Melayu berusia 21 tahun ke atas atau yang layak mengundi. Tetapi hanya 6,605,831 orang yang berdaftar sebagai pemilih atau 52.4 peratus jumlah pengundi (*Berita Harian* 27 Februari 2013). Ini adalah satu fenomena serius dan merugikan negara kerana kira-kira 30 peratus jumlah rakyat yang layak, gagal menggunakan hak selaku pengundi dalam proses demokrasi bagi menentukan kepimpinan negara di masa hadapan.

Kadar keluar mengundi yang menurun dalam pilihan raya sebenarnya mendatangkan masalah dalam pengamalan demokrasi moden. Kajian yang dilakukan oleh Institute for Democracy and Electoral Assistance (Pintor et al. 2002) menunjukkan kadar keluar mengundi di dalam pilihan raya di dunia meningkat dengan stabil sebelum tahun 1990-an namun selepas itu kadar keluar mengundi mencatatkan penurunan. Di dalam kajian Amer (2009) di dalam pilihan raya Parlimen di Malaysia secara umumnya agak stabil namun prestasi ini kelihatan menurun dari semasa ke semasa. Kadar keluar mengundi yang rendah, sering menjadi bahan kajian di dalam disiplin geografi pilihan raya dan dilabel 'tidak sihat' kepada proses demokrasi. Penegasan dibuat oleh Syed Ahmad (1996) bahawa sesuatu sistem itu, tentu sekali, boleh hancur seandainya ahli masyarakat atau sebahagian besarnya daripadanya berhenti menyokong sistem itu. Tanpa sokongan, sesuatu sistem politik itu akan gagal. Seperkara yang menarik di dalam kajian ini yang seringkali disepikan adalah nilai yang menjadi punca kepada berlakunya gejala ini, adakah perubahan nilai turut sama mengundang kepada ketidakseriusan atau ketirisan kepercayaan generasi masa kini terhadap sistem demokrasi melalui wahana pilihan raya.

Metodologi Kajian

Umum memperakui nilai adalah sesuatu yang bersifat abstrak. Namun demikian, ia bukan bersifat mustahil untuk diukur. Oleh kerana itu, kajian nilai ini dibuat bukan secara langsung (*direct*) terhadap nilai, tetapi kajian nilai ini dibuat adalah secara tidak langsung (*indirect*). Di dalam teori ketamadunan, konsep tamadun dan budaya mempunyai perhubungan yang rapat kerana menurut Samri (2005) budaya yang tinggi dan terpuji menandakan kehidupan yang bertamadun. Untuk melihat tahap pencapaian tersebut biasanya dilihat dari dua aspek iaitu; budaya kebendaan (*materialism*) dan budaya bukan kebendaan (*non-material*). Sehubungan dengan itu, nilai di sini tergolong di dalam kumpulan budaya bukan kebendaan. Manakala budaya bukan kebendaan adalah segala sesuatu yang bukan benda yang tidak dapat dipegang tetapi dapat dilihat dan dirasa (Rohana 1997). Selain daripada nilai, bentuk atau elemen budaya jenis ini ialah seperti pengetahuan, falsafah, kepercayaan, sistem kekeluargaan, undang-undang dan akhlak.

Penggunaan perkataan 'signifikan' di awalan tajuk ini secara jelas menggambarkan kompas kajian apabila perkataan ini memberi makna terhadap kaedah kajian yang memerlukan satu bentuk ukuran. Sama ada perkataan signifikan ini membawa maksud 'signifikan' atau membawa maksud 'tidak signifikan' perlu dibuat penyelidikan bagi mencari jawapan. Sudah tentu alatan seperti pengujian (*testing*), pengukuran (*measurement*), penilaian (*evaluation*) dan pentaksiran (*assessment*) bakal digunakan. Justeru itu, penyelidikan ini akan dipandu oleh objektif kajian, seterusnya menjawab persoalan-persoalan kajian dan diuji secara statistik melalui 'hipotesis nul' sebagai nilai tambah di dalam penyelidikan ini. Oleh kerana itu, di dalam kajian ini, nilai dipandu oleh lima kriteria yang terdapat di dalam skema penyelidikan ini bagi menghubungkan signifikan nilai dalam kalangan kelas menengah Melayu pasca DEB di dalam memilih kepimpinan politik. Lima kriteria tersebut adalah; kefahaman tentang nilai, pengaruh nilai di dalam kehidupan, kepentingan pemimpin politik di dalam kehidupan, hubungan nilai dengan pemilihan kepimpinan politik, dan peranan nilai sebagai faktor utama/penentu di dalam memilih kepimpinan politik.

Di dalam reka bentuk kajian ini terdapat dua fasa pendekatan yang digunakan iaitu di fasa pertama pengkajian adalah dengan menggunakan asas kaedah kualitatif bagi tujuan ulasan kepustakaan. Cara ini adalah normal di dalam kajian bagi tujuan pembinaan tapak penyelidikan. Dua bentuk kaedah yang diguna pakai; a) kaedah analisa kritikal (terangkum di dalamnya kaedah pensejarahan, perbandingan, dan pangamatan semasa), dan b) kaedah *content analysis* terhadap karya primari dan sekunder terhadap isu yang menjadi topik kajian. Selanjutnya kajian ini di dalam fasa kedua dan utama ialah melalui kajian kuantitatif iaitu dengan menggunakan kaedah tinjauan. Penumpuan kepada kaedah kuantitatif secara dominasi melalui kaedah tinjauan dengan

penggunaan teknik soal selidik pada penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada rasional Mohd Majid (2000) seperti berikut:

1. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Hal ini sangat praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar. Soal selidik berupaya meningkatkan ketepatan statistik jika mempunyai sampel yang besar bagi mengganggu parameter populasi.
2. Arahan dan soalan yang diberi dalam instrumen soal selidik adalah piawai dan serupa kepada semua subjek yang dikaji. Subjek-subjek dapat bertindak balas terhadap rangsangan soalan yang dijawab dengan lebih berkesan. Gerak balas subjek terhadap rangsangan soalan tidak dipengaruhi oleh penambahan atau pengurangan arahan atau soalan seperti mana sekiranya kaedah temu bual digunakan. Gerak balas yang diterima daripada subjek adalah semata-mata disebabkan oleh rangsangan soalan yang dijawab.
3. Soal selidik juga dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas subjek terhadap rangsangan soalan yang diberi. Gerak balas atau jawapan yang diberi oleh subjek tidak dipengaruhi oleh personaliti dan tingkahlaku penyelidik serta cara penyelidikan kerana penyelidik tidak hadir sama semasa subjek memberi gerak balas.
4. Ketidakhadiran penyelidik secara langsung mendorong subjek memberi jawapan yang lebih tepat dan benar terhadap rangsangan, walaupun keadaan ini sebenarnya tertakluk kepada sejauhmana soal selidik tersebut difahami dan dihargai oleh subjek.

Kajian deskriptif merupakan salah satu bentuk di dalam penyelidikan jenis kuantitatif. Umumnya di dalam kajian deskriptif, data yang dipungut dan penganalisaan kebiasaannya akan dibuat melalui analisa frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai, dan taburan skor dilaporkan. Di dalam penyelidikan ini, analisis deskriptif di dalam bahagian ini memfokuskan analisis deskriptif melalui min dan sisihan piawai (Chua 2006):

Jadual 1: Interpretasi Skor Min bagi Melaporkan Dapatan Deskriptif Statistik

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana Rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Merujuk kepada permasalahan kajian terhadap ketirisan nilai kumpulan generasi muda Melayu khususnya kumpulan kelas menengah Melayu pasca DEB terhadap politik dan kepimpinan politik, kajian ini merumuskan ia masih lagi di dalam kawalan. Justifikasinya melalui kajian di peringkat Doktor Falsafah Peradaban Islam ini, pengkaji telah menggunakan teknik penyelidikan kuantitatif dan seramai 544 orang responden yang terlibat di dalam kajian ini dengan corak pemilihan sampel menggunakan teknik 'Persampelan Bertujuan' dengan penentuan sampel berdasarkan jadual penentu sampel Krejcie & Morgan, dan kesahan set soalan mendapat persetujuan pakar rujukan dan analisa kajian rintis dengan menggunakan format SPSS.

Kajian ini telah mengesahkan bahawa elemen nilai mempunyai pengaruh yang cukup signifikan di dalam kehidupan golongan kelas menengah Melayu pasca DEB. Kajian turut memperakui tentang kepentingan kepimpinan politik di dalam kehidupan golongan kelas menengah Melayu pasca DEB. Seterusnya kajian turut mengesahkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara nilai dengan pemilihan kepimpinan politik dalam kalangan kumpulan kelas menengah Melayu pasca DEB. Kajian turut mendapati bahawa nilai bertindak sebagai faktor

utama/penentu di dalam memilih kepimpinan politik dalam kalangan kumpulan kelas menengah Melayu pasca DEB. Oleh kerana itu peranan kelas menengah Melayu amat besar di dalam mendokong, mempertahankan serta menyebarkan nilai-nilai sebagai syarat utama di dalam memilih kepimpinan politik melalui wasilah pilihan raya sebagaimana yang ditetapkan oleh sistem demokrasi. Pendirian politik kumpulan kelas menengah Melayu pasca DEB berupaya mempengaruhi undi di dalam sistem demokrasi yang diamalkan dan sudah tentu nilai menjadi takaran utama di dalam membuat sebarang keputusan.

Rujukan

- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan. 2012. *Memahami Kuantitatif dan Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. Muslim Middle Class in Klang Valley, Malaysia: Their Religious Appearance and Consumerism. Dlm. *Issue & Challenges of Contemporary Islam and Muslims*. Bangi: UKM.
- Allawati Kasri & Wan Kamal Mujani. 2011. Sejarah Kemunculan Kelas Menengah Melayu serta Kesannya terhadap Pembangunan Malaysia dalam Bidang Politik, Ekonomi dan Sosial. Kertas Kerja Seminar World Congress for Islamic History and Civilization. Anjuran UM. UM 10-11 Oktober.
- Almond, G.A & Powell, G.B. Jr. 1966. *Comparative Politics*. Boston: Little Brown.
- Amer Saifude. 2009. *Geografi Pilihan Raya dan Tingkah Laku Pilihan Raya Malaysia 1959-2008*. Kuala Lumpur: UM.
- Berita Harian*. 2012. Julai, 19.
- Berita Harian*. 2013. Februari, 27.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Serdang: McGraw-Hill.
- Easton, D. 1965. *A Framework for Political Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Federal Constitution*. 2002. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Franklin, M.N. 2004. *Voter Turnout and the Dynamics of Electoral Competition in Established Democracies since 1945*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hairoi Anuar. 2010. *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Patriotisme (Edisi Kedua)*. Bandar Seri Putra: Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Akademik KUIS.
- Mohd Izani. 2005. *Islam dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Pintor, R.L., Gratschew, M., Adimi, J., Ballington, J., Brians, C., Lounev, S., Nohlen, D., Norris, P., Notosusanto, S., Sullivan, K. & Urrutia, E. 2002. *Voter Turnout since 1945*. Stockholm: International Institute for Democracy and Electoral Assistance.
- Ramanathan, K. 1997. *Asas Sains Politik*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Rohana Yusuf. 1997. *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samri Zainuddin. 2005. Teori Ketamadunan. Kertas Kerja Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Anjuran Jawatankuasa Induk Kursus TITAS dan IPT dengan Kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. UiTM, 2005.
- Syed Ahmad Hussein. 1996. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ahmad Wan Omar. 2010. 4.3 Juta Rakyat 21 Tahun dan ke Atas Masih Belum Mendaftar. *Berita SPR* Januari-Jun.
- Zakaria Stapa. 2009. Manusia Pembina Tamadun: Perspektif Pemikiran Islam. *Jurnal Hadhari* 1.